

Kembara Sutera

2015.02

CRI
中国国际广播电台



Pekan Wuzhen

Hayati Keindahan "Magic City" di Shanghai
Jalan Kuno, Tarikan Baharu untuk Pelancong

Permainan Mahjong

Makanan Wajib Semasa Perayaan Tahun Baharu Cina

Pesta La Ba

Masjid Jinjiayao di Bandar Tianjin

10 Tempat Tambah Suasana Romantis
Hari Kekasih

Jom ke China

Merancang percutian ke China?

Nak cari

**Warisan
Budaya**

**Hotel
Penginapan**

**Restoran
Makanan
Halal**

**Tempat
Peranginan**

Masjid



Semua info yang berguna ada di sini.

Kenali China sebelum datang ke China.

**Menjadi rakan kami melalui ID: Kembara-Sutera
atau terus skan kod QR ini.**



Wacana Dari Tembok Besar

Sudah sebulan kita melangkah ke tahun 2015. Majalah Kembara Sutera yang diterbitkan sejak 2011 ini sudah berusia empat tahun. Ibarat kanak-kanak, sudah pun boleh berlari. Namun, kami sidang editor Kembara Sutera masih mengharapkan komen membina saudara pembaca bagi memperbaiki mutu kandungan dan paparan KS ini.

Saudara, pada bulan Februari ini masyarakat Cina di seluruh dunia menyambut Tahun Baharu Cina. Oleh itu, dalam keluaran kali ini, kami menghidangkan rencana yang berkaitan pesta ini. Bagi masyarakat tempatan di negara Tembok Besar ini, pelbagai juadah yang mungkin berbeza di tempat anda akan dihidangkan bagi meraikan sambutan Tahun Baharu Cina. Rencana tentang makanan wajib semasa Tahun Baharu Cina memaparkan pelbagai juadah yang mesti dihidangkan semasa perayaan ini. Selain itu, rencana tentang Bubur La Ba, iaitu sejenis juadah yang menjadi kemestian turut kami paparkan dalam keluaran KS kali ini.

Bagi penggemar destinasi kuno pasti teruja untuk melawat beberapa jalan kuno yang terdapat di hampir semua bandar utama di China, antaranya yang terletak di Sichuan, Chongqing, dan Beijing sendiri. Keistimewaan jalan-jalan kuno ini memang tidak terdapat di tempat lain. Apa yang pasti, jika anda menyusuri jalan kuno ini, anda seolah-olah berada pada zaman itu.

Februari juga sinonim dengan sambutan hari kekasih, yang disambut pada 14 Februari. Bagi anda yang berhasrat meraikan Hari Kekasih, kami paparkan 10 destinasi romantis untuk anda.

Shanghai pasti tidak asing lagi bagi para pelancong. Jika anda ingin melawat kota metropolitan ini secara bersendirian, jangan risau. Dapatkan panduan dan tip untuk menjelajahi Shanghai dalam KS kali ini.

Sehingga bertemu lagi dalam keluaran akan datang, salam mesra daripada kami.

张志良
Awan



06

Pekan Wuzhen

10

10 Tempat Tambah Suasana Romantis Hari Kekasih

14

Menghayati Keindahan "Magic City" di Shanghai

20

Jalan Kuno, Tarikan Baharu untuk Pelancong

24

China ABC: Permainan Mahjong

26

Bersantai di Kolam Air Panas

28

Makanan Wajib Semasa Perayaan Tahun Baharu Cina

30

Pesta La Ba

32


Etnik Yang Beragama Islam di China - Etnik Kirgiz

33

Masjid Jinjiayao di Bandar Tianjin

34

Sup Tremella Kurma Merah



Penerbit:

Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:

An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:

Zhang Wenwen

Ketua Editor:

Wang Jin

Editor:

Nelawati Ngadul

Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:

Malaysia

Tarikh Terbit:

**Oktober, Disember, Februari, April,
Jun, Ogos**

Laman Sesawang:

<http://malay.cri.cn>

facebook:

www.facebook.com/kembarasutera

E-mel:



ma@cri.com.cn

Surat-menurat:

**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:

+86-10-68892073



Pekan Wuzhen

oleh: Wang Jin

Pekan Wuzhen yang terletak di provinsi Zhejiang, timur China merupakan sebuah kampung air yang telah berusia lebih 1,300 tahun. Jaringan sungai membahagikan pekan ini menjadi empat bahagian, yang disebut Dongzha (daerah timur), Nanzha (daerah selatan), Xizha (daerah barat) dan Beizha (daerah utara) oleh penduduk tempatan.

Wuzhen merupakan kampung air yang tipikal di kawasan selatan Sungai Yangtze. Kampung pada akhir zaman Dinasti Qing iaitu abad ke-19 ini terpelihara dengan baik.

Sungai dianggap jiwa pekan kuno ini. Kebanyakan rumah dibina di tepi sungai, dan perahu menjadi alat mengangkutan utama penduduk Wuzhen.



Xizha

Dongzha merupakan kawasan pelancongan yang paling awal dibuka kepada para pelancong. Namun setelah Xizha dibaik pulih, daerah ini menjadi kawasan pelancongan utama. Jika melancong di Xizha dengan menaiki perahu, para pelancong boleh menghayati budaya tempatan dan keunikan kampung air ini dengan sepenuhnya.

Xizha terdiri daripada 12 buah pulau kecil yang dihubungkan oleh lebih 60 buah jambatan. Kepadatan sungai dan jambatan batu di Xizha menduduki tempat pertama antara kesemua pekan bersejarah di negara China.

Kalau anda berminat melancong ke Wuzhen, anda boleh bermalam di Xizha kerana di sana terdapat banyak rumah penginapan yang dikendalikan oleh penduduk tempatan. Anda boleh menghayati budaya hidup penduduk Wuzhen dengan tinggal bersama-sama dengan mereka. Apabila bersiar-siar di jalan-jalan kuno, anda akan melihat banyak barang yang bersejarah seperti kuali besi buatan tangan, mesin penenun kain sutera dan lain-lain.

Muzium Katil Jiangnan

Muzium Katil Jiangnan terletak di Jalan Timur Wuzhen. Ia merupakan satu-satunya muzium yang khusus menyimpan dan memamerkan katil yang dihasilkan selepas abad ke-17 di kawasan tebing selatan Sungai Yangtze. Berpuluhan-puluhan buah katil disimpan dan dipamerkan di dalam muzium yang berkeluasan kira-kira 1,200 meter persegi ini.

Antara semua koleksi itu, sebuah katil yang dihasilkan pada zaman Dinasti Qing (abad ke-18) dianggap paling bernilai. Katil itu dibuat daripada kayu pak dan berukuran 217 sentimeter panjang, 366 sentimeter lebar dan 292 sentimeter tinggi. Kononnya beratus-ratus tukang mengambil masa tiga tahun untuk menyiapkan katil itu.

Bekas Kediaman Maodun

Maodun (1896-1981) ialah sasterawan tersohor China. Bekas kediaman Maodun yang terletak di Jalan Guanqian, Wuzhen itu dibeli oleh datuknya. Rumah itu mencakupi kawasan seluas 450 meter persegi dan terdiri daripada dua bahagian. Bilik yang menghadap jalan ialah tempat belajar Maodun waktu kecil. Ramai orang yang berminat kepada sastera atau karya Maodun, mesti melawat kediaman ini.



Warung Teh

Wuzhen dikenali sebagai kampung air. Dua perkara yang dianggap paling menyeronokkan di sini ada kaitan dengan air, iaitu minum teh dan mandi.

Dalam sejarah Wuzhen,

terdapat lebih 60 buah warung teh di pekan yang sederhana besar ini. Antaranya Fangluge, Sanyilou, Changchunlou dan Mingyuelou yang terletak

di pusat pekan merupakan tempat orang berada serta pegawai kerajaan tempatan menghabiskan waktuluapang mereka. Warung-warung teh yang lebih kecil yang bertaburan di seluruh pekan merupakan tempat nelayan, petani dan penduduk biasa minum teh.

Hingga kini, warung teh tetap dianggap sebagai lambang kampung air Wuzhen. Ada peniaga yang minum teh

setelah pasar pagi ditutup, ada pula yang pergi ke warung teh, sambil minum sambil menjalankan urus niaga di tepi meja.

Pada zaman dahulu, warung teh merupakan tempat orang awam bertukar-tukar maklumat dan menyebarkan berita. Pada zaman ini, warung teh tetap memainkan peranan sebagai tempat orang berkongsi pengalaman dan cerita.

Bunga Kekwa

Bunga kekwa yang dihasilkan di Wuzhen bermutu tinggi. Warna kelopaknya putih, stamennya kuning, dan baunya harum.

Bunga kekwa yang dikeringkan ini boleh dibuat minuman teh. Menurut ilmu perubatan tradisional China, bunga kekwa berfungsi menghapuskan radang, mengurangkan lemak, menurunkan tekanan darah dan sangat baik untuk mata.

Jika dicampurkan ke dalam air mandian, bunga kekwa juga berfungsi mengurangkan panas badan dan melicinkan kulit.



Kain Batik Biru

Kain batik biru dengan corak yang berwarna putih dikenali sebagai kraf tangan tradisional Wuzhen. Kain tenun ini diperbuat daripada kapas dan dilukis menggunakan bahan semula jadi. Kain ini biasanya digunakan untuk membuat baju, tudung, alas gelas, kipas, alas meja, payung, beg dan barang hiasan. Kalau anda melancong ke Wuzhen, kraf tangan yang dibuat daripada kain batik ini merupakan pilihan yang terbaik untuk dijadikan cenderamata untuk sanak saudara dan sahabat handai. KS

Panduan:

Tiket untuk lawatan ke Dongzha: RMB 100. Tiket untuk lawatan ke Dongzha dan Xizha: RMB 150. Lawatan dengan menaiki perahu di Dongzha: RMB 80 untuk setiap perahu yang boleh membawa 8 orang. Pemandu pelancong di Dongzha: RMB 80. Tiket untuk lawatan ke Xizha: RMB 120. Pemandu pelancong di Xizha: RMB 200. Lawatan dengan menaiki perahu di Xizha: RMB 120 untuk setiap perahu yang boleh membawa 6 orang.

Waktu buka:

Dongzha: 7.20 pagi – 6.00 petang (Mei hingga 7 Oktober) 7.20 pagi – 5.30 petang (8 Oktober hingga April)
Xizha: 8.00 pagi – 10.30 malam (Mei hingga 7 Oktober) 8.00 pagi – 10.00 malam (8 Oktober hingga April)

10 Tempat

Tambah Suasana Romantis untuk Hari Kekasih

oleh: **Zhang Wei**

Hari Kekasih atau Valentine's Day akan menjelang tiba tidak lama lagi. Sudahkah anda membuat rancangan lebih awal? Sidang editor Kembara Sutera telah memilih 10 tempat di China untuk anda. Entalah anda sudah berkahwin, mempunyai teman, atau masih bujang, haraplah ini boleh membantu anda membuat rancangan.



Jiuzhaigou

No.1 Jiuzhaigou, Provinsi Sichuan

Keindahan pemandangan Jiuzhaigou yang terletak di provinsi Sichuan China sungguh menakjubkan. Jika syurga benar-benar wujud di dunia, Jiuzhaigou lah syurga itu. Sekiranya anda datang ke Jiuzhaigou pada musim sejuk, salji yang berterbangan dan pokok-pokok yang diselimuti salji tebal pasti membuatkan anda merasai bukan sahaja keindahan alam semula jadi, malah juga keindahan perasaan kasih sayang.

No.2 Tasik Barat, Hangzhou, Provinsi Zhejiang

Tasik Barat yang terletak di bandar Hangzhou, ibu



Kota purba Fenghuang

kota provinsi Zhejiang bukan sahaja seolah-olah satu puisi yang indah dan berjiwa, malah merupakan buaian yang memupuk kasih sayang dan legenda. Terdapat sebuah kuil Dewa Kasih Sayang terletak di sebelah Tasik Barat itu yang sentiasa menarik kedatangan lelaki dan perempuan yang bujang untuk berdoa dipertemukan jodoh di sini. Berjalan-jalan di pinggir Tasik Barat, anda mungkin menemui jodoh anda tanpa dijangka.

No.3 Kota Purba Fenghuang, Provinsi Hunan

Kota Purba Fenghuang digelar sebagai salah sebuah kota yang paling indah di

China. Kota yang terletak di barat provinsi Hunan ini menjadi terkenal kerana novel "Kota di Sempadan", karya Shen Congwen, penulis tersohor China. Novel itu mengisahkan cerita cinta yang berlaku semasa pergolakan dan perperangan. Sebagai sebuah kota purba budaya yang bersejarah dan terkenal di China, pemandangan kota Fenghuang menggabungkan ciri-ciri yang istimewa antara alam semula jadi dan sosiobudaya.

No.4 Roda Ferris di Taman Hiburan Jinjiang, Shanghai

Kononnya setiap bilik roda Ferris dipenuhi dengan



Pekan Xitang



Dali



Tasik Lugu

kebahagiaan. Mereka yang memandang roda Ferris, menantikan kebahagiaan; mereka yang berada di dalam bilik roda Ferris, memiliki kebahagiaan. Sama ada dalam cerita novel mahupun lagu-lagu popular, roda Ferris selalu diwarnai makna-makna yang romantis. Bersama-sama kekasih anda menaiki roda Ferris, menikmati pemandangan yang cantik di Shanghai, menceritakan kenangan bersama yang manis, membayangkan masa depan yang indah ... Bukanlah ini pengalaman yang sukar dilupakan.

No.5 Pekan Xitang, Provinsi Zhejiang

Pekan Xitang yang terletak di kaunti Jiashan, provinsi Zhejiang di bahagian selatan aliran Sungai Yangtze telah bersejarah seribu tahun. Jika melancong ke pekan ini, anda dapat merasai pesona di bahagian selatan aliran Sungai Yangtze yang cukup istimewa, iaitu romantik dan

tenang. Setiap pelancong yang berkunjung ke Xitang biasanya muh menikmati suasana yang nyaman dan nostalgia di sini.

No.6 Pulau Gulangyu, Xiamen, Provinsi Fujian

Suasana pada waktu malam di Pulau Gulangyu, bandar Xiamen, provinsi Fujian memang sesuai untuk para pasangan kekasih kerana suasannya sangat romantis. Lorong yang sepi, cahaya lampu jalan yang kelam,

tembok yang diliputi pokok menjalar, selain kadang-kalanya boleh terdengar alunan piano, menjadikan suasana ini sangat sesuai untuk pasangan kekasih bersiar-siar. Selain itu, terdapat sebuah muzium organ di pulau ini. Muzium berbayar ini merupakan destinasi yang paling bernilai di Gulangyu.

No.7. Dali, Provinsi Yunnan

Cerita cinta antara gadis dan pemuda etnik Bai yang tersebar di kalangan rakyat sejak zaman



Lijiang

dahulu menambah suasana romantik Dali. Feng Hua Yue (angin, bunga, salji, bulan), perkataan Mandarin yang melambangkan unsur romantik, berasal dari Dali.

No.8 Lijiang, Provinsi Yunnan

Kota kuno Lijiang yang romantik sangat sesuai untuk lelaki dan perempuan



Shichahai

yang bujang. Ada pepatah yang tersebar di China yang menyebut: "Jika ingin menemui jodoh tanpa dirancang, datanglah ke Lijiang." Di kota purba ini terdapat kedai-kedai yang menjual kraf tangan, bar beraneka gaya, dan rumah-rumah penginapan yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Datanglah ke Lijiang, makan malam di tepi anak sungai dalam suasana yang sunyi diiringi muzik merdu, mengabadikan percintaan anda. Di sini, anda juga dapat menikmati makanan yang lazat, pemandangan gunung-ganang yang indah dan langit yang biru.

No.9 Shichahai, Beijing

Bersiar-siar di tepi tasik, melihat peminat luncur ais dan kanak-kanak bermain di atas permukaan air tasik yang membeku, menaiki beca yang dikayuh oleh tukang beca dengan berpakaian baju tradisional Beijing, mencuba

makanan tempatan Beijing yang lazat, antara beberapa perkara yang mesti dilakukan sekiranya anda melancong di Shichahai, Beijing. Pada waktu malam, jalan bar Houhai dipenuhi oleh pelanggan tempatan dan asing.

No.10 Tasik Lugu, Provinsi Yunnan

Tasik Lugu yang indah terletak di sempadan provinsi Yunnan dengan provinsi Sichuan, bahagian barat daya China. Puak Mosuo menghuni di sekitar kawasan tersebut. Hingga kini, puak itu masih mengamalkan masyarakat kuasa ibu. Kebudayaan Mosuo yang kuno berserta pemandangan alam yang indah dan orang Mosuo yang misteri menarik kedatangan pelancong dari seluruh dunia. Puak yang kuno dan primitif itu masih mengekalkan adat resam "perkahwinan jalan" yang diwariskan daripada nasab ibu. **K5**



Ikuti editor KS melancong di China

Menghayati Keindahan

Magic City di Shanghai



Wang Jin @ Fairus, Ketua Editor majalah Kembara Sutera. Orang Beijing. Suka membaca, melancong dan mencuba makanan istimewa yang enak apabila melancong ke sesuatu tempat. Dalam K.S. terbitan ini, ikutilah Fairus melancong di bandar raya Shanghai untuk menghayari keistimewaan "magic city" ini.

"Hi, saya akan pergi Shanghai hujung minggu ini. Saya tak pernah pergi Shanghai, apa yang menarik dekat sana?"

"Aduh, kali pertama ke Shanghai? Benar ke? Hahaha..."

"Eh, kenapa ketawa saya?"
"Kau orang China, mana boleh tak pernah datang ke Shanghai?"

Perbualan ini berlaku apabila saya menelefon seorang kenalan sejak kecil yang sekarang tinggal di Shanghai. Dia tidak faham

kenapa saya tidak pernah melawat Shanghai kerana dia tahu saya suka melancong dan telah melancong ke kebanyakan tempat pelancongan di China, malah beberapa negara asing.

Saya berpendapat bahawa Shanghai sebuah bandar sahaja, apa yang berbeza atau istimewa di sana berbanding bandar-bandar lain? Saya lebih suka melancong ke tempat dengan pemandangan alam semula jadi yang indah, bandar-bandar tidak dalam senarai saya.

Namun, setelah melawat ke Shanghai, tanggapan saya tersebut terbukti salah. Shanghai bukan sebuah bandar sahaja, ia sebuah bandar metropolitan yang menggabungkan pelbagai unsur moden atau vintaj. Kalau sebut Shanghai bandar yang paling cantik dan moden di China, saya tak menyangkal.

Beijing, Shanghai dan Guangzhou dikenali sebagai tiga bandar yang paling besar dan maju di negara ini. Ketiganya bandar ini masing-masing diberi jolokan oleh rakyat,



seperti Beijing dipanggil "capital city", Guangzhou dipanggil "demon city", manakala Shanghai dipanggil "magic city".

Walaupun ramai orang China selalu menyebut jolokan Shanghai tersebut, namun kebanyakan mereka tidak mengetahui asal usulnya. Sebenarnya jolokan ini berkaitan dengan sejarah Shanghai. Pada awal abad ke-20, Shanghai dijajah oleh beberapa negara termasuk Britain, Perancis, Jepun dan lain-lain. Shofu Muramatsu, penulis Jepun yang menetap di Shanghai pada waktu itu telah menulis sebuah novel bernama "Magic City", yang menggambarkan masyarakat bandar Shanghai pada zaman penjajahan itu.

Untuk melihat "Magic City" dengan mata sendiri, saya merancang untuk berkunjung ke sana hujung minggu pada bulan Jun lalu.

Perjalanan dari Beijing ke Shanghai memang amat mudah. Tiket penerangan

selalu dijual dengan potongan harga yang besar. Selain itu, kereta api berkelajuan tinggi juga dianggap pilihan yang baik.

Setelah meletakkan

barang di bilik hotel, saya tidak sabar-sabar untuk keluar melihat bandar ini.

Sama seperti pelancong biasa, saya telah memasukkan beberapa tempat ke dalam



agenda lawatan, antaranya Wai Tan, Menara TV Mutiara Timur, Taman Yu dan Jalan Nanjing. Selain itu, kenalan saya mencadangkan saya pergi ke kawasan Rumah Agam Sinan, Tianzifang dan Shanghai New World yang penuh dengan unsur vintaj atau moden.

Dengan menaiki subway yang menghubungkan hampir setiap pelosok bandar, pelancong boleh sampai ke mana-mana tempat dengan cara pengangkutan ini.

Waitan, iaitu tebing Sungai Huangpu menjadi destinasi pertama saya kerana sejak kecil lagi, saya telahpun mendengar nama tempat ini dan amat ingin melihat wajah sebenarnya. Setelah turun di stesen Nanjing East Road di laluan 2, dan berjalan hampir 10 minit, saya sampai di Waitan.

Waitan yang juga dipanggil Jalan No. 1 Zhongshan East, panjangnya 1.5 kilometer, ia menyambungkan Jalan Yan'an East di selatan dengan Jambatan Waibaidu di utara.

Berjalan-jalan di sini, melihat bangunan-bangunan yang beraneka gaya di kedua-dua tepi sungai, sambil ditiup angin sepoi-sepoi bahasa, memang satu pengalaman yang amat menyeronokkan.

Bangunan-bangunan yang terletak di barat jalan ini juga disebut sebagai "pameran bangunan dunia". Kawasan ini merupakan pusat kewangan dan perdagangan Shanghai pada awal hingga pertengahan abad ke-20. Sebanyak 52 buah bangunan berseni bina Gothik, Barok dan Rom di sini. Walaupun pemilik bangunan-bangunan itu sudah berubah, dan fungsinya turut bertukar,



namun sejarah dan cerita yang ditinggalkan zaman itu terus abadi.

Di seberang Sungai Huangpu, iaitu tebing timur, tersergam Menara Mutiara Timur dan banyak bangunan pencakar langit, kelihatan sungguh cantik khususnya pada waktu malam.

Duduk di atas bangku, melihat bangunan yang bersejarah di sebelah kiri dan bangunan yang moden di sebelah kanan, seolah-olah membawa saya ke satu persimpangan zaman.

Jalan sepanjang 1.5 kilometer ini memang pendek, berjalan lambat pun boleh menghabiskan kunjungan di sini dalam setengah jam.

Di hujung utara Waitan ialah Jambatan Waibaidu. Mungkin pelancong asing kurang mengetahui jambatan ini, namun bagi orang China, jambatan ini amat terkenal kerana muncul dalam banyak filem atau drama. Menurut maklumat, jambatan



Waibaidu yang siap dibina pada 1908 merupakan jambatan keluli pertama di negara China. Jambatan yang melintasi Sungai Suzhou ini menghubungkan daerah Huangpu dengan daerah Hongkou dan masih amat sibuk pada masa ini.

Setelah melintasi jambatan Waibaidu, bangunan-bangunan di daerah Hongkou kelihatan juga mempunyai keistimewaan sendiri. Kebanyakannya mempunyai sejarah lebih seratus tahun.

Sampailah waktu untuk
rehat sekejap dan isi perut.
Tidak jauh dari jambatan
sebagai mercu tanda bandar
Shanghai terdapat di kawasan
ini. Di sekelilingnya, terdapat

beberapa bangunan yang amat cantik, seperti Pusat Konvensyen dan Persidangan Antarabangsa Shanghai, Bangunan Bank Komunikasi China, Menara Bank China, Menara Jinmao dan lain-lain. Lujiazui juga dikenali sebagai kawasan komersial yang paling moden di daerah Pudong, Shanghai. Beberapa hotel mewah seperti Kempinski, Mandarin Oriental, Four Seasons, Shangri-La, Ritz-Carlton, Westin dan lain-lain menambah unsur mewah di kawasan ini. Pilih tempat di tepi jendela, pesan secawan kopi di bar Hotel Mandarin Oriental, menikmati pemandangan Shanghai yang indah pada waktu malam, puasnya dan bolehlah berakhir lawatan hari pertama saya di Shanghai.

Hari kedua di Shanghai dimulakan dengan bunyi kicauan burung. Saya duduk di sebuah hotel di kawasan barat yang berdekatan dengan stesen kereta api Hongqiao. Suasana di sekitar hotel ini lebih sunyi dan tenang berbanding dengan kawasan sibuk di pusat bandar.

Setelah bersarapan di hotel, saya terus menuju ke Rumah Agam Sinan dengan menaiki subway.

Rumah Agam Sinan adalah sebuah kawasan kediaman yang terdiri daripada 51 buah vila yang dibina pada awal abad ke-20. Sekarang, sebahagian vila itu digunakan untuk tujuan komersial seperti cafe, restoran dan kedai. Bangunan-bangunan yang dibina menggunakan batu bata kelabu ini menunjukkan

pesona yang istimewa kepada para pelancong. Berjalan-jalan di sini seolah-olah berada di Shanghai pada zaman penjajahan.

Ketika berjalan, suara lagu Inggeris kedengaran dari hadapan. Ada sebuah band yang sedang mempersembahkan konsert di hadapan sebuah kafe. Seronoknya jika duduk di kafe itu, mendengar muzik sambil berborak-borak dengan sahabat di sini. Namun saya seorang sahaja, mungkin lain kalilah, pasti bersama-sama suami atau sahabat datang ke sini.

Terus berjalan ke arah timur, saya sampai ke Shanghai New World. Inilah satu kawasan komersial yang dibina berdasarkan kompleks Shikumen, iaitu binaan istimewa Shanghai. Di sini terdapat banyak restoran yang menawarkan makanan Barat atau tempatan.

Pilih sebuah restoran yang dihiasi cantik, saya telah memesan dua masakan tempatan Shanghai. Waktu



A photograph of the Shanghai World Financial Center (SWFC) at dusk. The building's unique stepped, cantilevered design is clearly visible, with its glass and steel structure reflecting the fading light. In the foreground, the dark silhouette of another skyscraper is partially visible. Across the Huangpu River, the dense urban landscape of Shanghai stretches into the distance under a hazy sky.

menunggu masakan disiapkan,
saya membuka aplikasi telefon
bimbit untuk mencari info
pelancongan Shanghai.

Menurut maklumat itu,
kawasan Rumah Agam Sinan
dengan Jalan Huaihai di utara,

Shanghai New World di timur, dan Tianzifang di selatan membentuk satu zon hiburan, beli-belah dan rekreasi yang baharu. Tempat ini amat disukai oleh orang muda dan golongan elit, khususnya mereka yang

berminat akan kesenian, industri rekreasi dan fesyen. Hari ini hari Ahad, ramai penduduk tempatan Shanghai, sama ada sekeluarga ataupun beberapa sahabat menghabiskan waktu santai di sini.

Setelah melawat Tianzifang, zon industri rekreasi, saya berjuma dengan kenalan saya yang menetap di Shanghai.

"Betul tak Shanghai amat
baqus ya?"

"Betul betul. Memang cantik dan moden sekali. Bandar ini sama sekali berbeza dengan Beiiing."

Waktu santai berlalu begitu cepat apabila kami berdua berbisik-bisik dari pengalaman di universiti hingga kini kerja dan kehidupan sekarang.

Dua hari memang terlalu pendek, seminggu pun tak cukup. Bila ada masa, pastilah saya akan datang ke Shanghai lagi. Masih ada banyak tempat untuk dijelajahi. **KS**

Jalan Kuno

Tarikan Baharu untuk Pelancong



Jinli, Chengdu

Jalan purba Jinli sekarang telah menjadi pusat beli belah yang terkenal di Chengdu, ibu kota provinsi Sichuan. Di sini, para pelancong boleh belajar pengetahuan tentang sejarah China di samping adat resam penduduk di kawasan barat provinsi Sichuan.



Jalan Yandaixiejie, Beijing

Jalan ini mendapat namanya sebagai Yanda kerana bentuk jalan ini seperti paip cangkelong. Terdapat kedai-kedai yang menjual kraf tangan di kedua-dua belah jalan ini.



Ciqikou

**Jalan Purba
Ciqikou, Chongqing**

Ciqikou terletak di kawasan Shapingba, bandar Chongqing. Selain dapat mencuba pelbagai makanan ringan tradisional dan minum teh, para pelancong juga boleh menyaksikan pertunjukan mengenai cara kehidupan penduduk tempatan, seperti menguraikan serat sutera mentah dari kokun, membuat pengeluaran gula serta opera Sichuan.



Zhuhai

**Jalan Zhuhai,
Beihai**

Jalan Zhuhai di bandar Beihai, Guangxi mula dibina pada tahun 1883. Seni bina bangunan yang bertingkat dua atau tiga di kedua-dua tepi jalan ini meniru gaya binaan bangunan konsulat Britain, Perancis dan Jerman yang dibina pada penghujung abad ke-19 di bandar Beihai, dengan dindingnya dihiasi ukiran yang cantik.

Nanchangjie



Jalan Nanchangjie, Wuxi

Jalan Nanchangjie adalah sebatang jalan kuno yang terletak di pusat bandar Wuxi, provinsi Jiangsu. Kawasan Budaya dan Sejarah Jambatan Qingming di jalan ini merupakan destinasi tipikal yang memaparkan pemandangan kampung di selatan Sungai Yangtze China.



Jalan Hefang, Hangzhou

Jalan Hefang yang terletak di kaki bukit Wushan merupakan satu-satunya jalan yang masih mengekalkan wajah kuno di bandar Hangzhou. Bangunan di kedua-dua belah jalan ini memaparkan ciri-ciri seni bina bangunan pada hujung zaman Dinasti Qing.



Jalan Shantang, Suzhou

Jalan Shantang di Suzhou antara jalan-jalan kuno di bandar Suzhou. Jalan Shantang digelar sebagai "Jalan Pertama di Suzhou". Makanan terkenal di sini termasuk roti goreng berisi daging, wantan dan makanan manisan yang dibuat daripada pulut dan kacang merah.



Jalan Wudadao, Tianjin

Di sekitar Jalan Wudadao, terdapat lebih 2,000 buah vila yang bergaya seni bina Britain, Perancis, Itali, Jerman dan Sepanyol yang dibina pada tahun 1920-an dan 1930-an. Ini kerana pada masa itu, bandar Tianjin diduduki oleh negara-negara berkenaan.



Jalan Duolun, Shanghai

Jalan Duolun yang sepanjang lima ratus ini menjadi terkenal berikutan tokoh-tokoh terkenal dalam sejarah China pernah tinggal di sini, termasuk Lu Xun, Mao Dun, Guo Moruo, Ye Shengtao.



Jalan Dongguan, Yangzhou

Jalan Dongguan yang terletak di bandar Yangzhou ini masih mempunyai sekelompok bangunan Dinasti Ming dan Qing yang lengkap serta susunatur jalan dan lorong yang berbentuk tulang ikan. **Ks**



Dongguan



Permainan Mahjong

oleh: Zhou Qiaoxi

Mahjong sejenis permainan amat popular yang berasal dari China. Permainan ini menggunakan kepingan kad atau plastik tebal yang berbentuk segi empat bujur. Setiap set mempunyai 136 biji buah mahjong yang terdiri daripada empat jenis corak, iaitu "Tong", "Tiao", "Wan" dan buah tambahan.

Berbanding dengan permainan kepingan tulang atau buluh lain yang rupanya seperti domino, cara bermain mahjong

boleh dikatakan paling rumit dan menarik. Objektif permainan ini adalah untuk membentuk satu set gabungan lengkap dengan 14 biji buah mahjong. Orang pertama yang mendapatkannya dikira pemenang. Permainan mahjong yang memerlukan kemahiran dan strategi dengan peraturan dan cara pengiraan yang kompleks, memang mencabar minda.

Terdapat banyak cerita tentang asal usul mahjong. Antara yang paling boleh

diperdayai adalah buah mahjong berasal daripada kepingan buluh yang digunakan sebagai tanda bukti untuk memberi ganjaran kepada mereka yang melindungi padi di kota Taicang, provinsi Jiangsu pada zaman purba. Menurut catatan sejarah, padi yang dituai disimpan dalam lumbung diraja sepanjang tahun di kota Taicang pada masa itu. Namun, burung pipit selalu curi-curui makan padi. Dengan ini, pegawai yang mengawal lumbung itu membuat kepingan



buluh untuk mencatat jumlah burung pipit yang ditangkap oleh mereka yang melindungi padi dan memberi ganjaran kepada mereka menurut angka yang dicatat. Kepingan buluh yang diukir bermacam-macam simbol dan angka itu juga boleh digunakan untuk menjadi permainan.

Satu lagi cerita tentang asal usul mahjong berkaitan dengan pelayaran Laksamana Cheng Ho ke negara-negara Asia dan Afrika. Menurut catatan berkenaan, dalam pelayaran yang lama tanpa sebarang kemudahan rekreasi itu, banyak askar berasa bosan dan mula rindu akan kampung halaman mereka. Untuk melegakan dan menenangkan perasaan para askar, Cheng Ho telah mencipta sejenis alat rekreasi. Beliau membuat lebih 100 kepingan kayu kecil yang masing-masing diukir corak yang berbeza, iaitu kepingan

kayu bercorak "Tiao" yang dinomborkan dari satu hingga sembilan mewakili susunan armada, kepingan kayu bercorak "Tong" yang dinomborkan dari satu hingga sembilan mewakili baldi yang diisi air tawar di dalam kapal, dan kepingan kayu bercorak "Wan" yang mewakili duit.



mahir bermain kepingan kayu ini. Maka Cheng Ho menamai permainan ini "Kepingan Laksamana Ma" yang kemudiannya disebut sebagai mahjong.

Walau apa pun cerita tentang asal usul mahjong, permainan ini telah menjadi cara rekreasi yang popular di dunia. Di beberapa negara, buah mahjong juga diukir huruf bahasa Arab dan Inggeris untuk kemudahan peminat asing. Peraturan permainan mahjong berbeza-beza di pelbagai tempat di China. Di Malaysia pula, mahjong yang paling popular dimainkan mengikut peraturan permainan Kantonis dan Hokkien.

Orang Sichuan, China terkenal kerana minat mereka untuk bermain mahjong. Jika melancong ke provinsi ini, anda dapat menyaksikan ramai orang bermain mahjong di restoran teh, tepi jalan, bahkan di beberapa destinasi pelancongan. Pada musim panas, ada juga peminat mahjong bermain permainan ini di tengah-tengah anak sungai untuk mengelakkan diri daripada suhu panas. Hal ini memperlihatkan tarikan luar biasa mahjong bagi mereka. **Ks**



Bersantai di Kolam Air Panas

oleh: **Zhang Wei**

Berendam di dalam kolam air panas ialah cara bersantai yang paling ideal pada musim sejuk. Walaupun angin dingin bertiup kencang diiringi salji lebat di luar, berendam di dalam kolam air panas, minum teh sambil berborak-borak dengan sahabat atau keluarga, pastinya menghilangkan kelesuan fizikal dan mental serta merta. Jika ingin menjamu mata melihat pemandangan salji, pilihlah kolam air panas di luar yang menawarkan keindahan semula jadi dan menjanjikan pengalaman yang sungguh menyeronokkan.

Ketika musim sejuk melanda China, beberapa kawasan dilitupi salji, yang menyebabkan cara pelancongan diatur sehingga membolehkan pelancong menikmati suasana panas dan baharu. Kini, berkunjung ke mata air panas menjadi cara pelancongan yang paling popular di pelbagai tempat China. Khususnya di bahagian

utara China, bertandang ke beberapa kawasan kolam air panas semakin mudah dengan harga yang berpatutan.

Salah satu kolam air panas yang terkenal ialah Huaqingchi yang terletak di bandar Lintong, provinsi Shaanxi. Kolam air panas itu telah wujud lebih 6,000 tahun dan pernah disediakan khusus kepada keluarga maharaja. Air panas itu mempunyai julat suhu 43°C sepanjang tahun dan sangat jernih.

Pada setiap tahun, lebih sejuta pelancong China dan luar negara datang ke Lintong untuk menikmati air panas di Huaqingchi. Sebenarnya, mandi di kolam air panas, ialah sejenis cara penggunaan yang baru, dan diterima oleh orang ramai pada beberapa tahun kebelakangan ini. Kini, pelancong yang mengunjungi Lintong lebih menggemari cara pelancongan yang "lebih berzat" berbanding dengan cara pelancongan yang "tidur ketika menaiki kereta, dan mengambil gambar ketika kereta" berhenti.

Selain pelancong dari tempat lain, penduduk tempatan Lintong juga suka mandi di kolam air panas ke



Huaqingchi. Walaupun hampir setiap keluarga sekarang mempunyai alat pemanasan air, namun mereka lebih suka berbelanja dan mengajak beberapa kawan untuk pergi ke Huaqingchi untuk menikmati "perkhidmatan keluarga diraja".

Menurut penyelidikan sains, mata air panas Huaqingchi mempunyai 47 jenis mineral dan unsur surih. Ia mempunyai nilai perubatan yang tinggi dan sangat sesuai bagi rawatan ketika mandi.

Di Beijing, tempat-tempat yang seumpama itu mencatat puluhan buah. Daripadanya, mata air panas yang terbaik kesan kesihatannya mungkin ialah mata air panas Xiaotangshan. Mata air panas Xiaotangshan terletak di bahagian utara Beijing. Airnya sangat jernih dan berbeza dengan mata air panas biasa. Warna air mata air panas

biasa selalunya keruh dan berbau sulfur. Mata air panas Xiaotangshan dikenali sebagai "sup emas" di kawasan utara China.

Mata air panas itu mempunyai 8 buah kolam air panas. Ada kolam renang yang besar, juga ada kolam yang kecil, yang hanya sesuai untuk 3 hingga 4 orang. Pada musim sejuk, mandi di kolam air panas merupakan cara menikmati kesegaran yang berbeza.

Betul, berendam dalam air panas dan menikmati pemandangan salji pada musim sejuk amat menyeronokkan. Air panas membolehkan tubuh badan dan hati berasa lega daripada kelesuan. Bersama-sama beberapa kawan mandi di kolam air panas, menikmati salji turun, mimun teh, dan berbual-bual sangat bagus. **Ks**

Panduan:

Ketika berendam di dalam kolam air panas, kita mestilah berhati-hati:

1. Jangan berendam di dalam kolam air panas ketika berasa letih. Jika letih, anda sebaik-baiknya berehat terlebih dahulu. Jika tergesa-gesa berendam di dalam kolam air panas, tindakan itu akan memberikan tekanan pada jantung dan paru-paru. Selain itu, jangan berendam di dalam kolam air panas satu jam selepas makan, sekiranya tidak dapat tidur dengan lena, atau selepas melakukan senaman berat.
2. Orang tua yang kulitnya lebih kering seolah-olahnya jangan berendam di dalam kolam air panas dalam tempoh yang lama.
3. Sebelum berendam di dalam kolam air panas, sesuaikan tubuh badan dengan suhu air, iaitu daripada suhu air yang lebih rendah secara perlahan-lahan kepada suhu air yang lebih tinggi. Hal ini untuk memberi masa yang cukup pada pembuluh darah berkembang secara beransur-ansur.
4. Selepas berendam di dalam kolam air panas, minum air yang mencukupi untuk menyeimbangkan air di dalam tubuh badan.
5. Pastikan bahagian tubuh dari paras dada dan ke atas, tidak terendam atau sebaik-baiknya berehatlah di luar kolam.
6. Ketika berendam, anda boleh menggunakan tuala sejuk untuk mengelap muka.
7. Mandi dengan air paip selepas berendam di dalam kolam air panas. Hal ini disebabkan sulfur yang terkandung dalam mata air panas boleh mendatangkan bahaya terhadap kulit.

Makanan Wajib Semasa Perayaan Tahun Baharu Cina

oleh: Zhang Zhe

Makan besar bersama keluarga pada malam Tahun Baharu Cina, yang juga dipanggil jamuan pertemuan antara perkara yang amat penting bagi rakyat China semasa perayaan Tahun Baharu Cina, baik di selatan maupun di utara negara ini.

Di China, hidangan paling digemari dan biasa ialah nian gao atau kuih bakul yang membawa makna "kian tahun kian tinggi". Antara makanan lain yang lazim dihidangkan termasuk ikan yang melambangkan limpahan rezeki, dan ayam yang tidak dibuang kepala dan kaki sebagai simbol kemakmuran dan keutuhan. Tang yuan, bebola pulut manis yang berinti atau tanpa inti dalam sup, juga dihidangkan sebagai simbol kebersamaan keluarga dan kesempurnaan.

Jiaozi, Hidangan Wajib Tahun Baharu Cina

Di China, hidangan untuk jamuan besar itu agak berbeza. Namun jiaozi merupakan satu kemestian, malah dianggap sebagai satu simbol bagi sambutan tahun baharu kerana bentuknya yang mirip dengan jongkong emas, dianggap membawa tuah. Selain makan, proses menyediakan jiaozi juga kesempatan yang amat baik untuk berbual-bual dengan anggota keluarga yang mungkin sudah lama tidak ditemui. Proses membuat jiaozi juga memperlhatikan semangat bergotong-royong kerana ia memerlukan



kerjasama antara anggota keluarga yang membuat kerja berbeza, antaranya menyiapkan inti, membuat kulit, membungkus dan merebus jiaozi.

Jiaozi antara masakan yang membawa maksud bertambah rezeki dan mendapat keuntungan yang melimpah pada tahun baharu.

Juadah Enak Tahun Baharu di Guangdong

Provinsi Guangdong yang terletak di selatan China mempunyai budaya makan yang unik sehingga menjadikan masakan Yue (nama ringkas bagi Guangdong) salah satu daripada lapan jenis kuisin utama di China. Masakan Yue mempunyai cara memasak dan rasa yang penuh istimewa. Pelbagai jenis hidangan yang rasanya sedap dengan rupa sungguh cantik, yang disediakan oleh penduduk tempatan semasa Tahun Baharu Cina, tambah memeriahkan suasana perayaan ini.

Nian Gao

Nian gao atau kuih bakul yang membawa makna "kian tahun kian tinggi" merupakan

hidangan wajib bagi penduduk Guangdong semasa tahun baharu. Orang tempatan suka menghiris nian gao untuk digoreng supaya rasanya lebih sedap. Nian gao yang disediakan dengan cara tradisional berwarna jingga tua. Walaupun rupanya biasa sahaja, namun rasanya cukup enak dan digemari baik kanak-kanak, maupun orang dewasa.

Tang Huan

Tang huan merupakan sejenis makanan terkenal kaum Han di Guangdong, khususnya di kawasan Huizhou.



Snek goreng ini diperbuat daripada tepung pulut atau tepung gandum, serta gula dan telur. Tang huan mempunyai bentuk yang unik, iaitu luarnya lingkaran, dan dalamnya seperti bintang, membawa makna kekal abadi. Tang huan antara kemestian bagi penduduk Guangdong ketika tahun baharu.

Jian Dui

Jian dui atau dikenali sebagai ma tuan diperbuat daripada tepung pulut, gula dan minyak masak. Selepas digoreng, ia menjadi bebola kecil yang berwarna keemasan. Jian dui dengan luarnya disalut bijan, bertambah sedap dengan inti pis kacang merah. Terdapat satu pepatah di Guangdong yang berbunyi "jian dui bergolek-golek, rumah dipenuhi emas

dan perak." Orang tempatan percaya, jian dui boleh membawa kekayaan kepada pemakannya.

You Jiao

You jiao yang rupanya seperti karipap, bukan sahaja sedap, tetapi juga menggambarkan hubungan kekeluargaan yang mesra. Menjelang tahun baharu, seluruh keluarga bersama-sama membuat you jiao, sambil berbual-bual. Setiap orang diberi tanggungjawab yang berbeza, termasuk membuat kulit, menyediakan inti dan membungkus you jiao. Inti you jiao diperbuat daripada bijan, kacang tanah dan gula. Selepas digoreng, di luarnya rangup, dan di dalamnya manis.

Dan San

Dan san, snek goreng biasa untuk melengkapkan hidangan tahun baharu. Kononnya, pada zaman dahulu, ada seorang miskin yang ingin membuat you jiao untuk tahun baharu, tetapi dia tidak mampu membeli kacang, bijan dan gula untuk membuat intinya, lalu dia langsung menggoreng doh tepung gandum yang dipintal. Di luar dugaannya, gorengannya itu sedap dan rangup dimakan. Ketika dijamu kepada tetamu, makanan itu dipuji-puji mereka. Selepas itu, si miskin menamai ciptaannya itu sebagai dan san. 



Pesta La Ba

oleh: Zhou Qiaoxi

Pesta La Ba merupakan pesta tradisi yang dirayakan oleh kaum Han di China. Pesta La Ba jatuh pada hari kelapan bulan dua belas mengikut kalendar Cina. Pada hari tersebut, orang di kebanyakan tempat di China mengamalkan tradisi makan bubur La Ba dan juga membuat acar bawang putih dalam cuka yang dikenali sebagai bawang putih La Ba. Tradisi ini sudah diamalkan sejak beribu

tahun. Ketibaan Pesta La Ba menandakan Tahun Baharu Cina akan menjelang tiba. Jadi, mulai saat itu, orang Cina akan mula membuat persiapan untuk menyambut Tahun Baharu Cina.

Terdapat dua cerita tentang asal usul bubur La Ba. Namun, cerita berkaitan dengan Buddha Sakyamuni lebih diterima ramai orang.

Pengasas agama Buddha, Buddha Sakyamuni adalah

putera Raja Suddhodana, negeri Kapilavastu, utara India purba (yang terletak di Nepal sekarang). Baginda yang berasa sedih melihat penderitaan yang dialami rakyat dan berasa tidak puas hati terhadap pemerintahan pihak berkuasa agama Brahmin pada masa itu, memilih untuk melepaskan takhta diraja dan menjadi seorang sami. Sepanjang mengamalkan ajaran Buddha selama enam tahun, Sakyamuni hanya makan bijirin setiap hari. Beliau menjadi Buddha di bawah pokok Bodhi pada hari kelapan bulan dua belas mengikut kalendar Cina. Pengikut Sakyamuni tidak lupa akan penderitaan yang dialami baginda, dan makan bubur La Ba pada hari itu untuk memperingati baginda. Hari itu turut menjadi hari peringatan penting bagi pengikut agama Buddha dan dikenali sebagai "Hari Peringatan Pencapaian Pencerahan Sempurna dan Menjadi Buddha".

Walau apa juga cerita tentang asal usul amalan makan bubur La Ba dalam kalangan orang China, tugas generasi muda pada masa ini adalah untuk mewarisi dan mengembangkan tradisi dan budaya tersebut. Bahan-bahan makanan yang digunakan

untuk memasak bubur La Ba di pelbagai tempat China juga berbeza dan mempunyai keistimewaan sendiri.

Jumlah bahan yang digunakan untuk memasak bubur La Ba di Beijing paling

banyak berbanding dengan tempat lain. Bubur La Ba itu dimasak dengan lebih kurang 20 bahan makanan, termasuk kurma, biji teratai, kacang walnut, buah berangan, biji aprikot, kacang pain, longan, kismis, buah ginkgo, kacang merah, kacang tanah dan lain-lain, selain bijirin biasa. Penduduk Beijing mencuci beras dan merendam bahan-bahan makanan yang berkenaan pada malam hari sebelum La Ba dan memasak bubur La Ba pada pagi-pagi keesokan harinya. Selepas makan bubur, barulah mereka pergi ke sekolah atau kerja.

Di kawasan desa Dataran Tinggi Utara Shaanxi, selain menggunakan beberapa jenis bijirin dan kacang, orang tempatan juga menambah buah-buahan yang dikeringkan, tauhu serta daging untuk memasak bubur La Ba. Selepas makan bubur, mereka juga menyapukan bubur ini pada pintu rumah, tungku dapur dan pokok di luar rumah mereka. Langkah ini bertujuan untuk menghalau hantu, mengelakkan diri daripada bencana dan juga sebagai doa untuk hasil tuaian pertanian lumayan pada tahun

yang akan datang. Di samping itu, sayur-sayuran dilarang makan pada hari ini kerana jika makan sayur-sayuran, hasil tuaian pertanian akan terjejas. Selain itu, bubur La Ba juga akan digunakan untuk memuja nenek moyang dan kaum.

Di provinsi Gansu pula, bubur La Ba yang bercirikan tradisi tempatan dimasak dengan lima jenis biji-bijian dan sayur-sayuran. Bubur La Ba juga diberi makan kepada ternakan.

Di wilayah Ningxia, orang tempatan memasak nasi La Ba dengan menggunakan pelbagai jenis bijirin, kacang dan ubi kentang. Sama seperti orang di utara Shaanxi, setiap keluarga tempatan juga hanya makan nasi La Ba, dan tidak makan sayur-sayuran semasa merayakan Pesta La Ba.

Penduduk di Xining, provinsi Qinghai tidak makan bubur La Ba pada Pesta La Ba, sebaliknya mereka hanya makan nasi. Nasi itu dimasak dengan biji gandum dan daging lembu dan kambing, serta beberapa jenis perasa termasuk kulit halia, lada Sichuan dan sebagainya. Nasi ini ditanak dengan api kecil sepanjang



malam hingga masak. Rasanya amat enak.

Terdapat dua jenis bubur La Ba di provinsi Jiangsu, iaitu bubur La Ba yang manis dan bubur La Ba yang masin. Bubur La Ba yang manis itu dimasak dengan sengkuang Cina, kacang walnut, kacang pain, buah berangan, kurma, cendawan telinga kera, dan cendawan Enoki. Jika mahu memasak bubur La Ba yang masin, hanya perlu menambah sayur-sayuran dan minyak masak.

Selain makan nasi dan bubur La Ba, pada Pesta La Ba, orang China, khususnya di kawasan utara mengamalkan tradisi untuk membuat acar bawang putih dalam cuka, yang dikenali sebagai bawang putih La Ba. Cara membuat acar ini adalah memasukkan ulas-ulas bawang putih ke dalam bekas kedap udara dan masukkan cuka yang cukup ke dalam bekas ini. Bekas ini kemudian disimpan di tempat yang bersuhu rendah. Warna ulas bawang putih itu akan menjadi hijau secara beransur-ansur. Pada malam sebelum Tahun Baharu China, bawang putih La Ba itu dimakan dengan jiaozi, dan rasanya memang sangat sedap. **KS**





Etnik yang Beragama Islam di China



Etnik Kirgiz

oleh: Zhou Qiaoxi

Etnik Kirgiz yang berjumlah lebih 160 ribu orang, tinggal secara berkelompok di bahagian barat daya Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang China. Penduduk etnik ini mengusahakan penternakan sejak turun-temurun, selain sebahagiannya juga bekerja dalam bidang pertanian.

Etnik Kirgiz mempunyai kebudayaan yang unggul. Epik "Manasi" yang menjadi simbol etnik ini, merupakan bahagian penting warisan budaya China. Selain itu, terdapat banyak legenda, cerita, syair dan lagu rakyat yang diwariskan sejak turun-temurun. Alat muzik tradisional etnik ini juga banyak. Antaranya, alat muzik petikan bertali tiga, Komuz yang paling terkenal. Nenek moyang etnik Kirgiz pernah menghadiahkan Komuz kepada maharaja Dinasti Tang, kemudian alat muzik ini terus diperkenalkan ke Jepun, Kashmir, Parsi dan Arab. Komuz dianggap sebagai sumbangan etnik Kirgiz terhadap khazanah muzik dunia. Alat muzik ini boleh menghasilkan bunyi yang lembut dan halus, amat merdu didengar. Semasa merayakan

sesuatu pesta, penduduk etnik Kirgiz menyanyi dan menari mengikut rentak muzik Komuz. Suasannya sungguh meriah.

Etnik Kirgiz juga memiliki seni kraf tangan yang unik. Antara yang paling terkenal termasuklah sulaman, tenunan dan karpet yang digantung pada dinding. Karpet yang digantung pada dinding ialah hiasan biasa di rumah penduduk etnik Kirgiz. Karpet yang panjangnya 1.2 hingga 3 meter, dan lebarnya 1.2 hingga 2.5 meter itu, ditenun dengan pelbagai corak yang cantik. Karpet itu juga sering menjadi hadiah daripada pengantin perempuan untuk pengantin lelaki.

Etnik Kirgiz mempunyai adat perkahwinan yang istimewa. Majlis perkahwinan mereka dilangsungkan dalam suasana meriah berdasarkan dua peringkat, iaitu meminang dan menikah. Semasa meminang, bakal pengantin lelaki akan menunggang kuda yang dihiasi kapas putih pada kepalanya, yang membawa mas kahwin dan bermacam-macam hadiah ke rumah bakal pengantin perempuan. Ibu bapa bakal

pengantin perempuan akan meraikan bakal menantu mereka dengan makanan yang paling lazat. Kalau ibu bapa bakal pengantin perempuan melemparkan tepung gandum ke badan bakal pengantin lelaki, ini bermaksud mereka bersetuju anak perempuan mereka bernikah dengan lelaki itu. Tepung berwarna putih itu melambangkan kesucian dalam perkahwinan.

Majlis perkahwinan selama tiga hari biasanya diadakan di rumah pengantin perempuan pada akhir bulan. Pada awal pagi, ibu akan memandikan anak perempuannya, sebelum dihias dengan pakaian yang indah-indah oleh kakak ipar. Ibu juga diwajibkan menyikat rambut anak perempuan sambil menangis dengan bersungguh-sungguh dan menuturkan kata-kata nasihat, sebagai lambang kesedihan atas perpisahan dan tanda restu untuk anak perempuannya. Pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan berebut kambing dengan menunggang kuda, dan lumba kuda turut diadakan untuk memeriahkan suasana majlis perkahwinan. **K5**



Masjid Jinjiayao di Bandar Tianjin

oleh: Xu Guowei

Masjid Jinjiayao di daerah Hebei, bandar raya Tianjin dibina pada tahun 1574 masihi. Pada zaman itu, sejumlah besar anak kapal yang beragama Islam bertugas menghantar bahan makanan untuk maharaja dari bahagian selatan ke bahagian utara China melalui terusan besar. Mereka selalunya singgah di kawasan Sungai Jinjiayao di Tianjin. Mereka akhirnya membina sebuah surau yang kecil untuk beribadat di kawasan tersebut. Surau itulah rumah ibadat Islam yang paling awal di kawasan bandar Tianjin.

Pada zaman Dinasti Qing, jumlah umat Islam yang berhijrah ke kawasan itu semakin ramai sehingga dengan pembangunan di bandar berkembang. Surau yang kecil itu tidak dapat menampung ramai umat Islam untuk solat berjemaah. Lantaran itu, umat Islam tempatan telah mengumpulkan sedekah untuk membaik pulih dan memperluas masjid tersebut pada tahun 1844 masihi.

Pada tahun 1927, agama Islam berkembang makmur di kawasan Jinjiayao. Jumlah umat Islam di kawasan itu turut bertambah dengan pesat. Kawasan yang berhampiran dengan Masjid Jinjiayao telah menjadi kawasan perdagangan Islam. Umat Islam tempatan sekali lagi mengadakan projek untuk membaik pulih masjid tersebut.

Pada awal tahun 1950-an, umat Islam tempatan

telah menyumbang harta dan rumah mereka kepada Masjid Jinjiayao. Kawasan masjid semakin luas. Sebagai masjid yang tertua di bandar Tianjin, Masjid Jinjiayao telah memupuk ramai imam yang terkenal di China antaranya, Wang Jingzhai dan Liu Shiheng.

Pada tahun 1990, kerajaan bandar Tianjin dan kerajaan daerah Hebei masing-masing memperuntukkan RMB120 ribu dan RMB 40 ribu untuk membaik pulih masjid ini. Langkah tersebut amat dialu-alukan oleh umat Islam di kawasan tersebut. Pada tahun 1996, Persatuan Islam Daerah Hebei telah ditubuhkan. Sebagai anggota persatuan itu, Masjid Jinjiayao disenaraikan sebagai peninggalan sejarah di daerah tersebut.

Pada tahun 2000, kawasan perumahan Jinjiayao dibina semula. Masjid Jinjiayao juga dibina semula, yang mengambil masa selama dua tahun.

Keluasan bangunan masjid baharu telah ditambah dari 592 meter persegi kepada 2,023 meter persegi dan meningkat 3.41 kali ganda berbanding dengan masjid yang lama. Keluasan ruang sembahyang juga ditambah dari 150 meter persegi kepada 209 meter persegi.

Dalam tempoh lebih 430 tahun yang lalu, Masjid Jinjiayao di Tianjin semakin besar dan terkenal. Masjid itu telah menyaksikan perkembangan agama Islam di kawasan tersebut. **K5**



wǒ xiǎng qù tiān jīn jīn jiā yáo qīng zhēn sì, xiè xiè.

我 想 去 天 津 金 家 富 清 真 寺, 谢 谢。

Saya nak pergi ke Masjid Jinjiayao, terima kasih.

dì zhǐ: tiān jīn shì hé běi qū jīn hǎi dào.

地址: 天津市河北区金海道。

Alamat: Jalan Jinhai, daerah Hebei, bandar Tianjin.



Sup Tremella Kurma Merah

oleh: Zhang Wei

Hi, semua pembaca! Selamat membaca ruangan Dapur Lazat Anisah. Dalam ruangan keluaran ini, saya akan memperkenalkan sup tremella kurma merah. Sup ini mengandungi khasiat yang tinggi, dan amat baik untuk kulit kita.

Tremella atau juga dikenali sebagai Silver Ear Mushroom merupakan sejenis kulat putih yang mempunyai nilai pemakanan dan perubatan yang tinggi. Selain menguatkan fungsi paru-paru, perut dan jantung serta meningkatkan keupayaan detoksifikasi hati, Tremella juga membantu meningkatkan sistem imun badan. Oleh itu, Tremella sesuai untuk diambil oleh semua golongan, baik wanita dan kanak-kanak mahupun orang yang baru pulih daripada penyakit. Tremella mampu membekalkan air pada kulit dan organ badan serta melambatkan proses penuaan kerana bahan ini mengandungi asid hialuronik yang menjadi rahsia kecantikan wanita.

Kurma merah kaya dengan vitamin C, yang baik untuk kesihatan dan kulit. Kandungan vitamin C bagi setiap 100 gram kurma merah ialah 8-17 kali ganda daripada oren, 50-100 kali ganda daripada pisang dan 50 kali ganda daripada epal. Oleh sebab itu, kurma merah juga digelar "pil vitamin yang hidup". Kurma merah mempunyai fungsi yang serupa dengan

Tremella. Selain boleh meningkatkan sistem imun, mencegah dan merawat osteoporosis serta anemia, kurma merah membantu melembutkan saluran darah. Kurma merah juga mampu membekalkan oksigen ke otak bagi menguatkan ingatan.

Sup yang disediakan dengan kedua-dua bahan ini bukan sahaja manis dan sedap, tetapi juga berfungsi untuk menjaga kesihatan. Sup ini merupakan sejenis pencuci mulut yang baik untuk kesihatan dan juga kulit.

Bahan: kurma merah, Tremella, gula batu

Cara memasak:


1. Rendam Tremella dalam air selama 1-5 jam hingga kembang, kemudian bersihkannya dua atau tiga kali. Buangkan akar kuning Tremella dan jadikannya kepingan kecil.
2. Rendam kurma merah dalam air selama kira-kira 10 minit. Hiris kurma merah bagi membolehkan rasa manis dan aroma wanginya mudah bercampur dengan sup.
3. Masukkan Tremella dan kurma merah bersama-sama ke dalam periuk yang sudah diisi air sejuk. Masak perlahan-lahan menggunakan api kecil. Notis: Tutup periuk ketika memasak agar air dalam periuk tidak kering.
4. Renyahkan sup sekurang-kurangnya satu jam setengah. Tambah gula batu apabila sup ini hampir masak, mengikut cita rasa sendiri.
5. Selepas tujuh atau lapan minit, sup Tremella kurma merah yang lazat pun sudah siap. Anda juga boleh sejukkan sup ini di dalam peti sejuk.



Dapatkan Pakej Pelancongan

ke *Guilin* Bernilai RM 2,000

Secara Percuma



Senang sahaja! Ikut langkah berikut dengan segera! Anda berpeluang memenangi hadiah melancong di Guilin secara percuma*!

Langkah 1: LIKE Kembara Sutera di www.facebook.com/kembarasutera
Langkah 2: Jawab soalan dan tinggalkan komen

*Tertakluk kepada syarat

Kunjungi www.facebook.com/kembarasutera untuk maklumat lanjut.

Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti :



restoran Islam



masjid



pusat beli-belah



tempat pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

App Waktu solat di China ini khusus untuk pengguna Android. Anda boleh muat turun aplikasi ini di google play store.

Laman sesawang: <http://malay.cri.cn>

E-mel: mal@cri.com.cn

Facebook: www.facebook.com/kembarasutera